



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

EDISI JAN - JUN 2022

BULETIN FSB

fsb.umk.edu.my

FAKULTI SAINS BUMI



1 Hari FSB
@Tropical Rainforest Research Centre (TRaCe)

eISSN 2716-6619



Fakulti Sains Bumi,
Universiti Malaysia Kelantan
(Kampus Jeli)
17600 Jeli, Kelantan, Malaysia
Laman Web: www.fsb.umk.edu.my
Telefon: +609-947 7030
Faks: +609-947 7032



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our Urus!

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream



BENKEL PROJEK PENYELIDIKAN 1 (SIRI I DAN SIRI II)

Nor Sayzwani Sukri & Farah Khaliz Kedri

Bengkel Projek Penyelidikan 1 adalah bengkel wajib yang diikuti oleh pelajar tahun 3 yang mengambil subjek Projek Penyelidikan 1. Untuk semester Februari ini seramai 100 orang pelajar dari Program Sains Kelestarian dan Program Geosains dan juga 10 orang pensyarah dari kedua-dua program terlibat dalam menjayakan bengkel penyelidikan kali ini.

Objektif bengkel penyelidikan ini adalah bertujuan bagi memberikan pendedahan tentang kaedah yang betul dan membentuk rangka kajian yang bertepatan dengan kajian, serta memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai teknik penulisan saintifik dan akhir sekali melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran analitikal dan bertanggungjawab terhadap penyelidikan.

Bengkel penyelidikan ini dibahagikan kepada 3 siri bengkel iaitu Siri I dijalankan pada 2 April 2022 manakala Siri II dijalankan pada 8 April 2022. Bengkel Siri I dan Siri II ini telah direalisasikan dengan jayanya secara atas talian menggunakan Microsoft Teams. Setiap siri memberi fokus yang berbeza dalam membantu pelajar menjayakan projek penyelidikan mereka. Sebagai contoh, Siri I menekankan isu mengenai moral dan etika, program mobiliti dalam projek penyelidikan, format dan pengenalan dalam projek penyelidikan dan akhir sekali penulisan ulasan keperustakaan yang baik. Siri I berjalan lancar dengan kehadiran penceramah seperti Chm. Dr. Nik Raihan Nik Yusoff, Dr. Amal Najihah Muhamad Nor, Dr. Nor Shahirul Umirah Idris, Dr. Roniza Ismail dan En. Nor Hizami Hussin yang berkongsi pengetahuan mereka dalam bengkel projek penyelidikan ini.

Manakala Siri II pula memberikan penekanan mengenai bagaimana menulis kaedah penyelidikan yang baik, peraturan makmal dan keselamatan dalam projek penyelidikan serta pencarian bahan rujukan. Dr. Siti Hajar Yaacob, Dr. Wani Sofea Udin, Cik Sharifah Aisyah Syed Omar serta Puan Norhayati Nordin, Pustakawan kanan UMK antara penceramah yang menjayakan siri II ini.

Akhir sekali, pendedahan pelbagai maklumat dalam Siri I dan Siri II bagi bengkel penyelidikan ini dapat membantu dan serta memudahkan pelajar dalam menjayakan projek penyelidikan mereka. Ini sekaligus dapat memupuk semangat etika dan ingin tahu pelajar dalam menghasilkan kajian penyelidikan yang berkualiti dan berpotensi untuk dikembangkan pada masa hadapan

